

D.R. 7/2006

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbeijajaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2005) 2006.

Perbeijajaan tambahan bagi tahun 2005

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sepuluh bilion satu ratus lima puluh dua juta lapan ratus tujuh puluh empat ribu lima ratus sembilan puluh tiga ringgit (RM10,152,874,593) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbeijajaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2005 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2005 [*Akta A1230*].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>'aksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimeu	8,284,000
B. 3	Jabatan Audit	4,474,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	66,252,800
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	8,560,512,593
B. 13	Kementerian Luar Negeri	77,500,000
B. 22	Kementerian Keraajaan Luar Bandar dan Wilayah	26,284,000
B. 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	318,800
B. 41	Kementerian Pelajaran	347,287,600
B. 42	Kementerian Kesihatan	200,629,300
B. 47	Kementerian Penerangan	5,027,200
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	12,819,200
B. 60	Kementerian Pertahanan	681,724,200
B. 62	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	161,760,900
	Jumlah	10,152,874,593

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak sepuluh billion satu ratus lima puluh dua juta lapan ratus tujuh puluh empat ribu lima ratus sembilan puluh tigaringgit (RM10,152,874,593) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2005.

[PN(U²)2206]